

Kenyataan Akhbar
5 September 2022

EKUINAS LANCAR ILTIZAM CATALYST, SEBUAH PROGRAM PEMANGKIN PEMBANGUNAN USAHAWAN INDUSTRI KECIL & SEDERHANA (IKS)

Sehingga 30 IKS Bumiputera bakal dipilih untuk menerima bimbingan dan bantuan secara langsung untuk memperkukuh teras perniagaan demi mencapai pertumbuhan mampan.

Sorotan utama:-

- ILTIZAM Catalyst merupakan program pembangunan usahawan yang baharu, bertujuan membantu IKS milik Bumiputera dari segi membina kecekapan operasi dan kemahiran dalam teras-teras perniagaan melalui latihan, bimbingan, bantuan dan pementoran daripada pakar industri.
- Program ini bertujuan mengukuhkan asas-asas perniagaan agar IKS terpilih dapat menempa kejayaan dan pertumbuhan yang mampan dan ditadbir urus secara professional.
- Sejak 2012, ILTIZAM telah berjaya membantu hampir 4,000 orang usahawan Bumiputera dalam membangun dan mengembangkan perniagaan mereka.

KUALA LUMPUR, 5 September 2022: ILTIZAM, cabang Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), telah melancarkan ILTIZAM Catalyst, sebuah program pembangunan keusahawanan baharu yang bertujuan membantu IKS Bumiputera menangani cabaran asas perniagaan agar dapat berkembang dan berdaya saing dalam pasaran tempatan mahupun global.

Permohonan untuk menyertai ILTIZAM Catalyst dibuka kepada usahawan IKS Bumiputera dalam semua sektor perniagaan di seluruh negara. Usahawan yang berjaya dipilih akan menerima bantuan teknikal dan bimbingan bernilai sehingga RM25,000 untuk membangunkan kemahiran dan pengetahuan dalam empat teras perniagaan yang utama iaitu kewangan dan tadbir urus professional, penjenamaan dan pemasaran digital, penerapan dan penggunaan teknologi serta kepimpinan. Kecekapan di dalam keempat-empat teras ini akan merapatkan jurang-jurang dan mengukuhkan kapasiti perniagaan lantas membantu usahawan mencatatkan perkembangan jangka panjang yang mampan dan meningkatkan daya saing perniagaan mereka.

Pengarah Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Ekuinas, Hizwani Hassan, berkata, "Berdasarkan pengalaman ILTIZAM dalam membimbing usahawan selama 10 tahun ini dan maklumbalas yang diterima daripada IKS yang berurusan dengan Ekuinas, di antara cabaran utama yang dihadapi IKS ialah isu kekurangan kemahiran teknikal dan khusus dalam bidang kewangan, tadbir urus, adaptasi digital dan teknologi serta kepimpinan perniagaan termasuk keterbatasan menentukan hala tuju perniagaan menerusi strategi perniagaan yang efektif dan berbentuk jangka panjang. Setiap cabaran ini memberi impak kepada prestasi kewangan perniagaan."

"Menerusi ILTIZAM Catalyst, kami akan mengasah keupayaan dan kecekapan di dalam bidang-bidang yang kritikal agar para usahawan bukan sahaja cemerlang tetapi berdaya saing, kompetitif dan berdaya tahan untuk berkembang dengan lebih maju dalam situasi ekonomi dunia yang mencabar. Dengan kemajuan yang mampan, perusahaan-perusahaan ini akan membuka lebih peluang pekerjaan dan menyumbang secara lebih besar dalam industri dan ekonomi."

"Sejak penubuhannya, Ekuinas komited untuk membantu syarikat Malaysia bersaiz sederhana dan besar untuk mempercepatkan pertumbuhan perniagaan melalui pelaburan dan ILTIZAM adalah lanjutan daripada usaha Ekuinas untuk memangkinkan perkembangan usahawan dan perusahaan kecil dan sederhana dari fasa awal. Sejak 2012, ILTIZAM telah membantu hampir 4,000 orang usahawan mikro, kecil dan sederhana. Mereka dilatih, dibantu dan dibimbing agar dapat mengenal potensi mereka dan terus bersaing. ILTIZAM Catalyst akan membimbing sehingga 30 IKS untuk tahun ini selama tiga hingga enam bulan untuk meningkatkan keupayaan operasi dan digital untuk melonjakkan pertumbuhan mereka ke fasa yang baru," kata Hizwani.

Di antara syarat-syarat kelayakan untuk mengikuti program Iltizam Catalyst adalah seperti berikut:

- Perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- Pendapatan tahunan syarikat di antara RM300,000 hingga RM1 juta, dalam tempoh 2 tahun kewangan terkini.
- Syarikat mempunyai sekurang- kurangnya 51% pegangan saham Bumiputera.
- Mempamerkan kelayakan perniagaan dari segi potensi dan memperincikan bagaimana program ini akan memberi manfaat kepada perniagaan.
- Komitmen penuh untuk menyertai program ini selepas dipilih.

Permohonan untuk menyertai ILTIZAM Catalyst dibuka bermula 5 sehingga 18 September 2022. Untuk memohon atau maklumat lanjut, layari <https://catalyst.ekuinas.com.my/>.

-Tamat-

Mengenai Ekuiti Nasional Berhad

Mengenai Ekuinas Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) merupakan syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang bertujuan untuk membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama dan mampan. Objektif utama Syarikat adalah untuk menyampaikan nilai kewangan berdasarkan pelaburannya bagi memastikan objektif sosial dapat dicapai secara lestari.

Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam 70 syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan. Ekuinas telah disenarai pendek sebagai salah satu daripada 3 Firma Asia Tenggara Terbaik oleh Private Equity International (PEI) Awards bagi tahun 2018 dan 2019.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Affirah Naquiyah
Weber Shandwick

M: +6012 6725 882

E: affirah.naquiyah@webershandwick.my

Amira Amrang

Weber Shandwick

M: +6017 2883 711

E: amira.amrang@webershandwick.my